

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
TARIKH : 3.8.2017
SOALAN : NO.89

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan merujuk kepada kes T. Nhaveen dan Zulfarhan Osman bin Zulkarnain nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mewujudkan undang-undang yang memberi tumpuan terhadap kes-kes yang mempunyai elemen pembulian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga tidak mengambil ringan terhadap permasalahan buli di kalangan pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) dan hal ini dibuktikan melalui peruntukan di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 di bawah Seksyen 15D yang dengan jelas menyatakan tentang penggantungan dan pembuangan pelajar yang dipertuduh atas suatu kesalahan jenayah atau kesalahan jenayah dibuktikan.

KPT juga telah menerbitkan buku *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi Kes-kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam. Buku ini turut menggariskan tentang proses kerja Pra Perbicaraan Kes Pelajar Dituduh Atas Kesalahan Boleh Daftar di mana universiti awam mempunyai autonomi dalam membuat keputusan sama ada pelajar boleh digantung pengajian atau tidak sementara menunggu keputusan mahkamah

terhadap kes yang dipertuduhkan. Penguatkuasaan undang-undang adalah penting bagi memastikan kesalahan jenayah dalam kalangan pelajar tidak berleluasa.

Selain itu, KPT turut mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan tahap keterlibatan (*engagement*) dan tahap kesedaran mengenai aktiviti buli di peringkat IPT, antaranya melalui kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguatkuasa lain bagi menjamin kebajikan dan keselamatan mahasiswa, memberi penjelasan mengenai impak negatif aktiviti buli dalam program yang melibatkan pelajar di IPT, meningkatkan tahap keselamatan di kolej kediaman dan memantapkan prosedur keselamatan sedia ada di peringkat IPT sebagai langkah pencegahan awal.